

15/07/2004

Mahathir dianugerah Ijazah Kehormat

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) akan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Tun Dr Mahathir Mohamad sempena majlis konvokesyen ke-28 di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Serdang, pada 17 Julai ini.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat universiti itu, Siti Rozana Supian, berkata ijazah itu akan disampaikan Sultan Selangor yang juga Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Katanya, anugerah itu sebagai penghormatan dan pengiktirafan terhadap jasa dan pengorbanan bekas Perdana Menteri sepanjang 22 tahun menerajui negara, terutama dalam usaha memartabatkan bidang pendidikan, khususnya sains.

Beliau berkata, Dr Mahathir adalah pemimpin yang mencetuskan jejak kegemilangan UPM sebagai universiti tersohor di rantau ini.

"Bermula sebuah universiti berasaskan bidang pertanian pada 1971, UPM berkembang pesat selaras dengan kemajuan negara dan permintaan tinggi terhadap sumber tenaga profesional.

"Pada 3 April 1997, Dr Mahathir telah mengisytiharkan pertukaran nama Universiti Pertanian Malaysia kepada Universiti Putra Malaysia. Sejak itu, UPM muncul sebagai universiti pelbagai disiplin terbesar dan mencipta nama dalam pelbagai bidang, khususnya pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan khidmat profesional," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Pada majlis konvokesyen kali ini, Siti Rozana berkata, seramai 4,091 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing, mulai 17 hingga 19 Julai ini, yang akan disempurnakan dua Pro Canselor UPM, Tan Sri Thong Yaw Hong dan Tan Sri Datuk Dr Nayan Arifin.

Daripada jumlah keseluruhan graduan, seramai 32 menerima ijazah doktor falsafah (PhD), diikuti master (381), bacelor (3,013) dan diploma (665).

Bagi penerima master, 173 Master Sains, Master Perubatan Veterinar (76), Master Pentadbiran Perniagaan (64), Master Pengurusan (54), Master Ekonomi (sembilan), Master Sastera (empat), dan Master Alam Sekitar (satu).

Antara penerima peringkat bacelor pula, 317 menerima Bacelor Sains (Kepujian), diikuti Bacelor Pentadbiran Perniagaan (242), Bacelor Sains Komputer (226), dan Bacelor Ekonomi (209).

Turut menerima anugerah ialah 45 graduan sulung program Bacelor Sains (Sains Pengguna) dan 11 yang mengikuti Pengajian Eksekutif, iaitu program Bahasa dan Linguistik Melayu dan Bahasa Inggeris.

Penganugerahan diploma pula kepada 191 graduan Diploma Pembangunan Manusia, Diploma Perhutanan (115), Diploma Pengurusan Perniagaan (106), Diploma Pertanian (77), Diploma Sains Komputer (75), Diploma Pengurusan Perladangan Makanan (44), Diploma Kejuruteraan Kecemasan dan Keselamatan (28), Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan (17) dan Diploma Kesihatan Haiwan dan Penternakan (12).

Sempena konvokesyen kali ini, ekspo turut diadakan mulai 16 hingga 19 Julai ini di Bukit Ekspo, UPM.

Orang ramai boleh mengikuti majlis konvokesyen itu menerusi internet di alamat: URL: www.live.upm.edu.my. Maklumat lanjut, hubungi 03-8946 6003/6013/6014 atau emelkan kepada mzm@putra.upm.edu.my.

(END)